

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

BEKALAN CILI MENCUKUPI DAN HARGA SUDAH MULA TURUN

1. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) ambil maklum terhadap aduan gangguan harga pelbagai sayur-sayuran di pasaran.
2. Sehubungan itu, saya bersama-sama YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha KPDNHEP dan pegawai kanan Kementerian dari Ibu Pejabat Putrajaya dan Negeri Selangor telah turun padang mengadakan lawatan mengejut pada 22 Januari 2021 ke Pusat Pengumpulan Sayur (jenis tanaman Cili Merah) bertempat di Telok Panglima Garang, Selangor. Lawatan itu adalah untuk meninjau situasi sebenar bekalan di lapangan dan rantaian pengedaran bekalan cili yang mana cili adalah antara jenis sayur-sayuran yang didakwa menunjukkan kenaikan harga di pasaran.
3. Untuk makluman, Kementerian telah melaksanakan pemantauan di peringkat pembekalan barang-barang keperluan di pasaran melalui penguatkuasaan OPS PASAR 2021 (sayur-sayuran) mulai 12 Januari 2021. Sehingga 21 Januari 2021, sebanyak 320 premis peruncit dan pembekal telah diperiksa yang melibatkan 904 barangan yang terdiri daripada lima (5) sayur-sayuran utama seperti tomato, cili merah minyak, cili merah kulai, lobak dan kubis bulat. Sebanyak 337 notis

bertulis telah dikeluarkan kepada peniaga untuk memantau aduan dan dakwaan kenaikan harga dan mengesan sekiranya wujud sebarang elemen pencatutan.

4. Pihak Kementerian telah menyiasat aduan berhubung kenaikan harga sayur-sayuran dan mendapati memang berlaku sedikit peningkatan disebabkan oleh perubahan musim yang melanda negara kita dan faktor perubahan cuaca yang terlampau sejuk di daerah tanah tinggi pengeluar bekalan utama sayur-sayuran seperti di Cameron Highland. Keadaan cuaca ini telah menyebabkan kualiti dan kuantiti sayur-sayuran berkurangan.
5. Hasil dari lawatan ini, Kementerian ingin memaklumkan beberapa maklumat umum berkaitan dengan pengeluaran sayur jenis cili. Penanaman cili tempatan dijalankan oleh Pertubuhan Peladang Negeri dan Kawasan dan hasil tanaman dikumpul di Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian untuk dibekalkan kepada pemborong dan peruncit. Cili di Malaysia ditanam dua musim setahun dan setiap enam (6) bulan ianya dituai, diproses dan diedarkan untuk bekalan kepada pengguna dan industri melalui pemborong dan peruncit.
6. Penanaman cili di Malaysia amat dipengaruhi oleh elemen seperti iklim cuaca sekitar 28-29°C, tanah jenis gambut dan pasir dengan nilai Ph 5.5-6.5 dan tahap kelembapan yang sederhana. Luas fizikal ladang penanaman cili di Malaysia ialah 576.85HA dan luas tanaman cili kulai ialah 204.46HA. Kebanyakan benih cili diperolehi daripada Taiwan, Jepun dan Korea.
7. Terdapat beberapa jenis cili yang ada di pasaran iaitu Cili Mardi, Cili Merah Minyak, Cili Sime Darby, Cili Kulai dan Cili Import. Namun begitu, pengguna mempunyai pilihan dan cita rasa tersendiri dari sudut

rasa, rupa fizikal, ketahanan kesegaran dan khasiatnya. Pengguna di Malaysia, dikatakan lebih suka memilih cili kulai berbanding cili-cili lain. Penggunaan cili oleh pengguna Malaysia dianggarkan kira-kira 0.006 kg seorang sehari, 0.17 kg sebulan dan 2.0 kg setahun. Keperluan untuk setahun bagi 32.73 juta rakyat Malaysia ialah 65.46 juta kg.

8. Dari turun padang ini, Kementerian mendapati harga cili termasuk cili merah kulai, cili merah minyak dan cili akar telah mula menunjukkan penurunan. Sebagai contoh, harga purata cili merah kulai pada bulan Disember 2020 adalah pada paras RM23/kilogram. Pada minggu ini, harga purata cili merah kulai telah menurun kepada RM19/kg iaitu penurunan 17%.
9. Sempena lawatan ini juga, pihak pemborong dan peruncit turut diberikan penjelasan dan peringatan untuk menjalankan aktiviti pengedaran dan pembekalan secara beretika, dan tidak cuba untuk mengaut untung berlebihan (mencatut) terutama dalam tempoh PKP ini. Industri ini juga tertakluk di bawah pematuhan peruntukan perundangan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan mana-mana Akta di bawah bidang kuasa KPDNHEP.
10. Saya akan berbincang dengan rakan sejawat saya dari Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) langkah-langkah strategik dan progresif bagaimana kita dapat meningkatkan keupayaan petani cili tempatan dalam meningkatkan hasil tanaman cili tempatan secara berperingkat-peringkat dari 45% kepada satu tahap di mana ianya berdaya-saing dan berdaya-maju, menguntungkan petani tempatan dan di masa yang sama menguntungkan pengguna dari segi harga.
11. Saya juga diberitahu oleh Pegawai Kementerian bahawa India telah mengeksport semula bawang dan bekalan bawang dari India telah pun sampai di pelabuhan kita. Proses pengedaran bawang merah

India dari pelabuhan kepada pemborong dan peruncit akan memakan masa lebih kurang dua (2) minggu dan saya jangka ia akan menurunkan harga bawang tidak lama lagi.

12. Jika pengguna mempunyai maklumat berhubung sebarang perlakuan perniagaan yang tidak beretika, kemukakan maklumat terperinci ke mana-mana saluran rasmi aduan yang sesuai dan selesa untuk anda:

- (i) Pusat Arahkan Penguatkuasaan 03-8882 6088/6245
- (ii) Portal e-aduan.kpdnhep
- (iii) *Call Centre* 1-800-886-800
- (iv) Aplikasi Ez ADU KPDNHEP
- (v) Aplikasi *Whatsapp* 019-279 4317

#####

YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
(KPDNHEP)

23 Januari 2021

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidaktentuan. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampan sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkapi dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam mengurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDNHEP :

